

13/01/2000

Menjadikan belia Malaysia antara terbaik di dunia

Wan Kemat

SLOGAN 'Pemuda Harapan Bangsa, Pemuda Tiang Negara' pernah diperkenalkan satu masa lalu berikutan kegigihan golongan belia membantu mempertahankan negara daripada ancaman musuh luar dan dalam negara.

Agenda perjuangan mereka ketika itu untuk memantapkan politik tanah air, ekonomi, memperbaiki sahsiah serta berdikari tanpa mengharap bantuan kerajaan untuk menghindarkan diri daripada dicap sebagai generasi subsidi.

Namun, keadaan berubah sehinggakan slogan yang menjadi kemegahan itu tidak lagi dilaungkan atau dijadikan teras dalam kehidupan remaja menyebabkan timbulnya kebimbangan daripada kalangan pemimpin masyarakat peringkat kampung, daerah, negeri dan negara.

Memperbaiki sahsiah golongan remaja adalah antara agenda utama yang perlu diberikan perhatian kerajaan kerana ramai remaja sudah terpesong daripada landasan kehidupan yang diredai Allah.

Selain itu, sikap berdikari untuk meningkatkan tahap pendapatan kurang diberikan tumpuan kerana mereka lebih suka membuang masa dan memilih pekerjaan mengikut citarasa sendiri.

Melihatkan perkembangan golongan belia, ternyata kerajaan, pertubuhan sukarela dan masyarakat mempunyai tugas berat untuk memastikan remaja adalah golongan berdaya maju.

Tambahan pula, negara menghadapi kerenah dunia tanpa batasan amalan negara barat yang ingin menjajah negara kerana cemburu dengan kejayaan Malaysia memperkukuhkan ekonomi dan politiknya.

Oleh itu, kerajaan disaran merangka Majlis Perundingan Remaja dalam usaha mengangkat semula martabat golongan belia di kaca mata masyarakat, seterusnya menjadi insan berguna di dunia dan akhirat.

Menerusi Majlis Perundingan Remaja pelbagai sudut kelemahan boleh dibincangkan di samping mencari jalan penyelesaian berlandaskan kehendak hukum, undang-undang negara dan adat resam.

Dalam Majlis Perundingan Remaja, pelbagai aspek seperti ekonomi, kegiatan keagamaan, pekerjaan serta politik diberikan tumpuan supaya perkembangan jiwa golongan belia selari dengan pembangunan fizikal.

Boleh dikatakan Majlis Perundingan Remaja perlu membuat perbincangan secara terbuka sehingga merangkumi semua ruang lingkup kehidupan remaja seperti Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) membincangkan pertumbuhan ekonomi.

Dengan kaedah ini, semua masalah dihadapi golongan belia dapat diselesaikan dan matlamat menjadikan mereka sebagai penggerak utama pertumbuhan ekonomi serta politik akan dicapai.

Sebagai contoh, kegagalan sebahagian belia memperolehi pendapatan tetap disebabkan kurangnya pengetahuan dalam bidang ekonomi kerana beranggapan sektor makan gaji adalah punca pendapatan utama.

Pendedahan perlu diberikan terhadap bidang pertanian, termasuk kemudahan disediakan kerajaan, pemasaran, mutu tanaman dan kepentingan sektor itu dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Cara ini boleh menangkis momokan pihak tidak bertanggungjawab yang mendakwa sektor pertanian tidak mampu memberikan pulangan tinggi.

Begitu juga halnya dengan politik tanah air yang banyak menerima tamparan hebat kerana adanya dakwah pihak tertentu terutama pembangkang cuba mempengaruhi mereka supaya menentang kerajaan.

Kebanyakan golongan belia belum matang dengan permainan politik pembangkang yang cuba menguasai pemerintahan negara dengan menimbulkan

pelbagai sentimen serta pemikiran buruk.

Selain itu, mereka kurang didedahkan dengan kesukaran pejuang tanah air membangunkan negara sejak mula menuntut kemerdekaan di tangan British dan melepaskan diri daripada cengkaman penjajahan Jepun, Belanda, Komunis atau Bintang Tiga.

Semua itu boleh dijadikan agenda utama Majlis Perundingan Remaja untuk menjadikan golongan belia negara antara terbaik di dunia seperti diharapkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)